

54

NO. SOALAN : 418

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

SOALAN

TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah
peruntukan yang telah dan akan diberikan bagi pemulihan bekalan air
bersih untuk negeri Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) telah menyertai skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air pada 18 Disember 2008, di mana perbelanjaan modal (CAPEX) untuk membina infrastruktur bekalan air akan dibiayai dan dilaksanakan oleh Pemegang Lesen Kemudahan iaitu Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Manakala SAMB sebagai pemegang lesen perkhidmatan akan memfokuskan kepada pengoperasian dan penyenggaraan sistem bekalan air.
2. Dari tahun 2009 sehingga 2018, PAAB telah membelanjakan RM720.88 juta bagi kerja-kerja CAPEX SAMB. Manakala baki peruntukan yang akan dibelanjakan bagi tempoh Operasi Ketiga (OP3) adalah dianggarkan sebanyak RM153.54 juta.
3. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) berjumlah RM51.03 juta untuk projek-projek sumber air di Melaka seperti berikut:
 - (i) mempertingkatkan '*bunded storage*' bagi tujuan simpanan air di Empangan Durian Tunggal dengan peruntukan sebanyak RM31.03 juta; dan

(ii) pembayaran balik pampasan tanah bagi Projek Empangan Jernih sebanyak RM20 juta.

4. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan geran berjumlah RM350 juta bagi pembinaan *off river storage* (ORS) di negeri Melaka.

5. Di bawah RMKe-11 juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.371 bilion bagi melaksanakan Program Pengurangan NRW Kebangsaan 2016/2017 di bawah Pendekatan 2 berdasarkan konsep Geran Sepadan (*Matching Grant Ringgit To Ringgit - MGR2R*). Di bawah program ini, negeri Melaka telah diberi peruntukan di antara RM50 juta hingga RM80 juta bagi kerja-kerja berikut:

- (i) Pemasangan/penggantian meter SIV;
- (ii) Pendaftaran paip (*digitize*) GIS, *Hydraulic Modelling*, SCADA dan Telemetry;
- (iii) Reka bentuk dan pembentukan zon (DMA)/PMA/APM;
- (iv) Kerja-kerja *Active Leakage Control* (ACL) Pengesanan dan Pembaikan Kebocoran Paip dan Tangki; dan
- (v) Penggantian Meter Pengguna.

Sekian, terima kasih.

57
RT30/419

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG
DARIPADA [BUKIT MERTA JAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bila bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih 12 tahun dan sudah pun diluluskan akan dibina. Nyatakan status projek terkini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi membina dua (2) blok bangunan tambahan yang mengandungi 12 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain di SJKC Permatang Tinggi, Pulau Pinang telah dikemukakan dalam *Rolling Plan ke-3 RMKe-11* pada tahun 2017 dan telah diluluskan oleh agensi pusat. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia dalam proses pelantikan perunding bagi menyediakan rekabentuk. Proses pelantikan perunding dijangka selesai dalam bulan Jun 2018.

RT30/419